

Sambutan majlis-majlis ibadah korban



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (kiri) menyempurnakan penyampaian daging korban kepada penerima.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

TUNGKU LINK, Isnin, 3 Ogos. - Warga Universiti Brunei Darussalam (UBD) bersama Jawatankuasa Takmir Masjid UBD mengadakan Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Sambutan Hari Raya Aidiladha 1441H / 2020M.

Hadir pada majlis tersebut seterusnya menyempurna-

kan penyampaian daging korban kepada para peserta, Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Pada tahun ini, seramai 104 peserta menyertai majlis berkenaan dengan 15 ekor

Universiti Brunei Darussalam



SEBAHAGIAN yang hadir pada majlis berkenaan.

lembu dan dua ekor kambing dikorbankan dengan menggunakan perkhidmatan bekalan dan penyembelihan daripada Syarikat Assulay.

Dalam usaha untuk mencegah penularan wabak COVID-19 dan bagi mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan bagi mengelakkan kesesakan juga mengikuti penjarakan sosial, pihak penganjur membahagikan acara kepada dua sesi, iaitu sesi pengagihan kepada peserta pada jam 8.45 pagi,

sementara sesi kedua pengagihan kepada orang awam secara pandu lalu, yang bermula jam 10.00 pagi di masjid berkenaan.

Manakala bahagian untuk fakir dan miskin, daging korban diagih-agihkan ke rumah-rumah mereka di Kampung Rimba dan kawasan sekitarnya, yang dilaksanakan oleh sukarelawan

yang terdiri daripada mahasiswa dan Alumni UBD.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Takbir Hari Raya, seterusnya diikuti dengan pengagihan daging korban dan akikah oleh tetamu kehormat kepada para mahasiswa yang terpilih.

Majlis tahunan ini dianjurkan oleh UBD, yang dikelola bersama oleh Jawatankuasa Takmir Masjid UBD, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UBD dan Persatuan Mahasiswa-Mahasiswi UBD.

Antara lain aktiviti seumpama ini diadakan adalah sebagai tanda memuliakan dan menyemarakkan Hari Raya Aidiladha dalam kalangan warga UBD dan penduduk kampung di kawasan Kampung Rimba dan sekitarnya dalam sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan akikah, sekaligus mengeratkan silaturahmi dan ukhuwah dalam kalangan umat Islam warga UBD, penduduk kampung juga masyarakat Islam di luar kampus UBD.

Universiti Teknologi Brunei



NAIB Canselor Universiti Teknologi Brunei (kanan) mengagihkan daging korban kepada penerima secara pandu lalu.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

TUNGKU LINK, Isnin, 3 Ogos. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) mengagihkan daging ibadah korban kepada seramai 30 penerima pada Majlis Ibadah Korban dan Akikah sempena Hari Raya Aidiladha yang berlangsung di Dewan Serbaguna, UTB, di sini.

Para penerima adalah terdiri daripada asnaf fakir miskin dan anak-anak yatim dari universiti berkenaan.

Daging-daging ibadah korban disampaikan oleh Naib Canselor UTB, Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman selaku tetamu kehormat majlis.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan laungan Takbir Hari Raya Aidiladha daripada Ahli-ahli EXCO Keagamaan dan

Kerohanian, Majlis Perwakilan Pelajar UTB (MPPUTB).

Majlis turut diserikan dengan ceramah bertajuk 'Penghayatan Ibadah Korban Dalam Kehidupan', disampaikan oleh Pensyarah di Pusat Penyelidikan Mazhab Shafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Hayattuddin bin Haji Moxsin selaku Penceramah Undangan.

Beliau dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai hikmah korban yang utama ialah sebagai tanda umat Islam memperingati peristiwa yang berlaku pada zaman Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dan anak Baginda, Nabi Ismail 'Alaihissalam.

Menurutnya, peristiwa tersebut merupakan antara salah satu

peristiwa yang memperlihatkan ketaatan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam kepada Allah Subhanahu Wata'ala apabila diwahyukan oleh Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengorbankan anak Baginda, Nabi Ismail 'Alaihissalam.

"Hal ini jelas menunjukkan akan keperibadian Nabi Ibrahim yang taat akan perintah Allah dan seharusnya menjadi ikutan umat Islam.

"Ibadah korban juga dapat memupuk sikap prihatin dan peduli akan sesama saudara Islam, khususnya kepada golongan yang tidak berkemampuan. Daging korban diberikan kepada golongan-golongan ini," ujarnya.

Sikap ambil peduli ini menggalakkan umat Islam memupuk rasa persaudaraan dan keprihatinan dalam diri dan sikap prihatin membentuk seseorang itu menjadi seorang yang sentiasa mengambil peduli akan kekurangan dan masalah dalam komunitinya.

Oleh itu, ibadah korban bukan sekadar menyembelih haiwan dan mengagihkan kepada golongan yang memerlukan, tetapi memberi mesej kepada umat Islam dalam konteks keprihatinan.

Ibadah korban juga adalah penubuh dosa akan kesalahan yang dilakukan sepanjang hayat dan ini jelas menunjukkan bahawa setiap satu kebaikan yang dilakukan oleh umat Islam membawa hikmah kepada dirinya sendiri.

Semasa ibadah korban dijalankan, seseorang itu semestinya meletakkan fokus hanya kerana Allah Subhanahu Wata'ala tanpa mengharapkan balasan atau ganjaran.

Majlis berkenaan merupakan acara tahunan anjuran bersama Unit Keagamaan, Pejabat Hal Ehwal Pelajar UTB dan MPPUTB.

Kementerian Pendidikan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 3 Ogos. - Kementerian Pendidikan mengorbankan lima ekor sapi hasil daripada penyertaan 35 pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan dan daging korban tersebut diagih - agihkan dalam menyambut Hari Raya Aidiladha pada tahun ini.

Dalam mematuhi peraturan tanggungjawab sosial yang sedia ada, daging korban tersebut dihantar terus ke rumah kediaman para penerima oleh pihak Jawatankuasa Pengagihan Daging Korban Kementerian Pendidikan.

Seramai 150 penerima daging korban yang disenaraikan dan diagih - agihkan ke rumah kediaman mereka masing-masing, antaranya di Kampung Menglait; Kampung Burong Pingai; Kampung Anggrek Desa; Kampung Pulaie; Kampung Orang Kaya Besar

Imas; Kampung Serusop; Kampung Delima Satu; Kampung Pancha Delima; dan Kampung Mata-Mata.

Antara objektif acara ini diadakan adalah untuk menyemarakkan Sambutan Hari Raya Aidiladha 1441H / 2020M walaupun negara kita sedang menghadapi norma-norma baharu disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Selain itu, acara ini juga dapat meningkatkan kerjasama dan silaturahmi dalam kalangan warga Kementerian Pendidikan dan para penerima daging korban tersebut serta menghayati pengorbanan Nabi Ibrahim 'Alaihissalam dalam melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara pengagihan daging korban pada tahun ini diungkuhkan oleh Jabatan Peperiksaan dan Unit Hal Ehwal Antarabangsa, Kementerian Pendidikan.



SALAH seorang penerima daging korban anjuran Kementerian Pendidikan.